

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]**

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) apakah “roadmap” Kementerian untuk menyelesaikan isu tanah yang berbangkit daripada projek “Rapid Transit System” (RTS) yang menghubungkan Bukit Chagar hingga ke Woodlands; dan
- (b) apakah pelan alternatif untuk menyelesaikan masalah perhubungan rakyat dari Johor ke Singapura selepas pengumuman penangguhan projek RTS selama enam bulan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

- Untuk makluman Yang Berhormat, berhubung dengan isu tanah RTS Link, Kementerian ini mengambil pendekatan terbuka dengan penyelesaian secara menang-menang untuk memastikan pelaksanaan projek RTS Link ini memberi manfaat jangka panjang kepada negara khususnya rakyat di negeri Johor. Pelaksanaan projek RTS Link akan mengambilkira perancangan kerajaan negeri untuk membangunkan sektor ekonomi dan pengangkutan awam di negeri Johor untuk memastikan ianya berselari dan pada masa yang sama boleh memberi penyelesaian kepada isu kesesakan antara Johor Bahru dengan Singapura.

2. Berhubung dengan penyelesaian masalah sistem perhubungan rakyat dari Johor ke Singapura, Kerajaan telah mengarahkan Kementerian ini untuk mengkaji opsyen-opsyen dan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan untuk memastikan sistem pengangkutan awam yang cekap di antara kedua-dua buah Negara boleh diadakan dengan kos yang lebih rendah supaya ianya memberi manfaat jangka panjang kepada kedua-dua buah negara. Rundingan antara Malaysia dengan Singapura juga sedang aktif dijalankan dan dijangka satu penyelesaian yang boleh memanfaatkan kedua-dua buah negara akan dikenalpasti dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.